

15/09/1997

Pengurus dana asing yakin

KUALA LUMPUR, Ahad - Pengurus dana asing kini lebih yakin terhadap prospek jangka panjang ekonomi negara berikutan kemampuan kerajaan melaksanakan dasar yang tepat dalam menangani masalah ekonomi, terutama membabitkan defisit akaun semasa.

Keyakinan itu dipertingkatkan lagi apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri memberikan maklumat mengenai dasar masa depan ekonomi negara pada satu majlis di Sri Perdana, di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, mereka menyatakan simpati dengan kesulitan Malaysia baru-baru ini, khususnya dalam pasaran saham dan mata wang.

Menurut mereka, Malaysia harus mengambil beberapa langkah segera untuk membantu memulihkan nilai ringgit dan pasaran, termasuk menambah simpanan dalam negara dan meningkatkan eksport.

Kira-kira 50 pengurus dana dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura dan Hong Kong terbabit dalam perbincangan selama 90 minit. Sambil menasihatkan semua pihak jangan cemas, mereka yakin pelabur asing akan kembali ke pasaran tempatan, walaupun ia mungkin mengambil sedikit masa.

Menurutnya, kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham bukan hanya berlaku di Malaysia, malah melanda mata wang serta bursa lain di rantau ini.

Antara pengurus dana yang menemui Dr Mahathir ialah Chaun Chan dari TCW, Hong Kong; Allison Bruce dari Murry Johnstone (Asia) Pte Ltd beribu pejabat di Singapura; James Alexandroff dari Arisaig Partners (Singapura); serta David Roche mewakili Independent Strategy (London).

Selain itu, Prem Manjooran dari Capital International; Jennifer Bloomfield (Sadder, Stevens & Clark); dan Alfred Ho (Invesco Asia Ltd).

Mereka adalah antara pengurus dana asing yang sudah pun mengadakan beberapa siri pertemuan dengan Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Alexandroff berkata, pertemuan dengan Dr Mahathir pagi ini membolehkan pengurus dana asing mendapat penjelasan secara langsung mengenai dasar kerajaan dalam perkara berkaitan.

"Pertemuan itu untuk mendapat penjelasan dasar kerajaan dan kami sudah mendapatkan penjelasan secara langsung daripada penggubal dasar berkaitan.

"Kami diberi jaminan dalam pelbagai bentuk dan kini kami rasa lebih yakin dengan ekonomi sekarang selepas dasar yang tepat dilaksanakan," katanya.

(END)